

D532

B B481 DEB
MAHATHIR - PBS R R R

KUALA TERENGGANU, 4 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD AKAN MELAPORKAN CADANGAN BALAS PARTI BERSATU SABAH (PBS) MENGENAI FORMULA PERSEFAHAMAN BAGI MENYELESAIKAN KRISIS DI NEGERI ITU KEPADA MAJLIS TERTINGGI UMNO.

PERDANA MENTERI BERKATA, SATU MESYUARAT JAWATANKUASA TERTINGGI BARISAN NASIONAL JUGA AKAN DIADAKAN BAGI MEMBINCANGKAN PERKARA ITU.

+SAYA AKAN MENGEMUKAKAN SEGALA MAKLUMAT DALAM CADANGAN BALAS ITU PADA MESYUARAT BERKENAAN, YANG AKAN DIADAKAN SECEPAT MUNGKIN,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS PERTEMUAN DENGAN PARA PEMIMPIN PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL TERENGGANU, DI SINI PETANG INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BAGAIMANAPUN TIDAK DAPAT MEMASTIKAN SAMA ADA SATU PENYELESAIAN AKAN DAPAT DICAPAI SEBELUM PILIHAN RAYA NEGERI DIADAKAN DI SABAH PADA 5 DAN 6 MEI DEPAN.

MENGENAI PENGGANTI DATUK MUSA HITAM SEBAGAI TIMBALAN PERDANA MENTERI, BELIAU BERKATA: +BELUM TAHU LAGI.+

BELIAU JUGA MEMBERI JAWAPAN SEDEMIKIAN KETIKA DITANYA, APAKAH BELIAU AKAN MEMBUAT SATU PENGUMUMAN DALAM JANGKA MASA YANG SINGKAT BERHUBUNG DENGAN SIAPA YANG AKAN DILANTIK MENJADI TIMBALAN PERDANA MENTERI. -- LAGI.

1923MST 04 04 86

D533

B B482 DEB
MAHATHIR - PBS 2 KUALA TERENGGANU

MENGENAI MUZAKARAH ANTARA UMNO DAN PAS, PERDANA MENTERI BERKATA, SEBENARNYA BEBERAPA PERTEMUAN ANTARA KEDUA-DUA PIHAK, DALAM KONTEKS UMAT ISLAM TELAH BERLANGSUNG.

+ADALAH MENJADI HASRAT KAMI UNTUK MENGADAKAN PERJUMPAAN DAN PERBINCANGAN ITU SECARA TERTUTUP, TANPA DIHEBOH-HEBOHKAN DAN TIDAK MENERUSI TELEVISYEN,+ KATA BELIAU.

MENGENAI MESYUARAT BIRO POLITIK UMNO YANG DIADAKAN DI KUALA LUMPUR BEBERAPA HARI LEPAS, BELIAU BERKATA, PERBINCANGAN DITUMPUKAN KEPADA HASIL KUNJUNGAN BELIAU KE NEGERI-NEGERI DI SEMENANJUNG SEJAK AWAL TAHUN INI, DI SAMPING MEMIKIRKAN TINDAKAN SELANJUTNYA YANG AKAN DIAMBIL.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENYENTUH MENGENAI TINDAKAN ENCIK ISMAIL MAHMUD, ADIK IBRAHIM LIBYA YANG BERGIAT DALAM CERAMAH-CERAMAH PAS MENAFIKAN PENGAKUAN YANG DIBUATNYA MENERUSI TELEVISYEN TIDAK LAMA DULU BERHUBUNG PERISTIWA MEMALI.

KATANYA, KERAJAAN TIDAK BERCADANG MENGAMBIL APA-APA TINDAKAN DAN MENYERAHKAN KEPADA RAKYAT MEMBUAT PENILAIAN KE ATAS SIKAP ENCIK ISMAIL ITU.

-- LAGI.

1925MST 04 04 86

D534

B B484 DEB
MAHATHIR - PBS 3 KUALA TERENGGANU

DALAM HAL-HAL BEGINI, KATA PERDANA MENTERI, SUDAH TENTU SALAH SATU DARIPADA DUA PENGAKUAN YANG DIBUAT OLEH ORANG BERKENAAN IAITU PENGAKUAN MENERUSI TELEVISYEN DAN PENAFIAN MENERUSI CERAMAH PAS, ADALAH PEMBOHONGAN.

+OLEH KERANA TIDAK ADA SESIAPA PUN YANG MENGENAKAN TEKANAN KE ATASNYA SEMASA MEMBUAT PENGAKUAN MENERUSI TELEVISYEN DAN KAMI PADA MASA ITU MENYANGKA BELIAU BENAR-BENAR IKHLAS MELIHATKAN AIR MUKANYA YANG BEGITU SERIUS KETIKA ITU,+ KATA PERDANA MENTERI. -- BERNAMA.

1926MST 04 04 86